

Nama: _____

Tingkatan: _____

SULIT
02/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
1½ jam
Tingkatan 3

SEKOLAH ALAM SHAH
JALAN YAAKOB LATIF, BANDAR TUN RAZAK
56000 KUALA LUMPUR

PEPERIKSAAN PERTAMA 2001

BAHASA MELAYU
Kertas 1
Satu jam tiga puluh minit

Soalan 1 hingga Soalan 7

Baca cerpen di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Main; bermain-main.” Kata-kata itu mula bermain dalam benak Pak Dollah. Setahunya, makna kata-kata itu amat luas dan dalam.

Pak Dollah tahu bahawa semua orang suka bermain-main kerana bermain-main amat menyeronokkan. Dengan bermain-main kita dapat menghiburkan hati yang risau. Dengan bermain-main, kita dapat melegakan fikiran yang kusut-masai.

Budak-budak gemar bermain-main. Orang dewasa pun gemar bermain-main. Mereka bermain-main pada waktu siang dan malam. Mereka bermain-main tanpa mengira tempat dan waktu.

Apabila budak-budak leka bermain-main, mereka mendapat luka. Apabila orang dewasa asyik bermain-main, mereka mendapat luka juga. Bermain-main akan mendatangkan mudarat!

Sewaktu bermain-main, baik budak-budak mahupun orang dewasa mesti mencuba mempermainkan orang lain dan ada yang dipermainkan oleh orang lain.

Jadi, kata “kena main” sudah menjadi suatu sebutan yang biasa dalam kehidupan manusia sehari-hari.

Wajah beberapa orang budak bermain-main dalam ingatan Pak Dollah. Budak-budak itu semuanya membesar di depan matanya sendiri. Mula-mula, Pak Dollah teringat akan Sahak. Sahak kini merengkuk di dalam penjara kerana kesalahan mengedarkan dadah. Nasibnya baik. Dia dicampakkan ke dalam

penjara hanya lima tahun kerana jumlah dadah yang diedarkannya sedikit sahaja.

Sebelum menjadi jahat, Sahak bukan main baiknya. Dia menjadi jahat setelah bercampur dengan budak-budak liar. Pada mulanya dia menghisap dadah untuk bermain-main saja. Akhirnya dia terjebak.

Kemudian, Pak Dollah teringat akan Jiman kaki judi. Mula-mula, dia bermain dengan kawan-kawannya di belakang balai raya. Lama-lama, dia ketagih terup. Jumlah wang yang dipertaruhkan pun semakin banyak.

Tidak puas dengan bermain terup, Jiman bermain kuda pula. Sampai teruk kena tendang kuda pun Jiman tidak serik. Sekarang, Jiman keluar masuk gelanggang lumba kuda seperti keluar masuk pejabat.

Pak Dollah teringat akan kisah lucu anak saudaranya sendiri yang bernama Ripin. Umur Ripin 17 tahun, masih mentah lagi. Ubun-ubunnya masih lembik, tetapi sudah pandai berkawan dengan perempuan. Budak perempuan yang digilainya itu muda setahun daripadanya.

- M. Fuad Salim 1987

- 1 Bilakah perbuatan bermain-main itu biasanya dilakukan?
 - A pada waktu siang sahaja
 - B bila-bila masa dan di mana-mana sahaja
 - C tiap-tiap waktu kecuali siang dan malam
 - D apabila ada kelapangan
- 2 Terangkan maksud rangkai kata *ubun-ubunnya masih lembik* dengan berdasarkan penggunaannya dalam petikan.
 - A kurang berpengalaman
 - B tidak dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk
 - C masih baru dilahirkan
 - D masih mentah
- 3 Mengapakah perbuatan bermain-main dianggap menyeronokkan?
 - A menghilangkan perasaan tidak tenteram
 - B kurang diminati oleh semua golongan
 - C fikiran akan menjadi kusut-masai
 - D dapat memenuhi masa lapang
- 4 Apakah kesan kepada mereka yang leka bermain-main?
 - A akan menjadi sebutan orang
 - B cuba mempermainkan orang lain
 - C akan dipermainkan orang
 - D akan mendapat akibat yang tidak baik
- 5 Simpulan bahasa yang sesuai dengan keadaan yang dialami oleh Ripin dan kawannya ialah...
 - A keras hati.
 - B cinta monyet.
 - C lidah biawak.
 - D tangkai jering.

- 6 Apakah sikap yang sesuai dikaitkan dengan Pak Dollah?
- A pemerhati masyarakat
 - B menjaga tepi kain orang
 - C kuman di seberang nampak, gajah di depan mata tidak kelihatan
 - D tidak mengambil berat kehidupan masyarakat
- 7 Terangkan maksud rangkai kata *kena main* dengan berdasarkan penggunaannya dalam petikan.
- A menjadi alat
 - B menjadi baik
 - C menjadi mangsa
 - D menjadi jahat

Soalan 8 hingga Soalan 14

Baca sajak di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

DI PERPUSTAKAAN

Melangkah ke ruangmu
suatu pertukaran yang kontras
dari kehangatan merata
terlalu hening di sini
gua pelita bersemadi
di puncak sepi
di sana sini
kepala-kepala tunduk meneliti
mata dan fikir bersebat

Maju ke ruang buku
terlalu kerdil aku di sini
terapung di lautan ilmu
tercurah berzaman
dalam tak terselam
betapa pun kulayari
bahtera ilmu di sini
tak teroka
yang akan kucatat
hanya setitik dari tinta
yang akan kupetik

Hanya sebiji dari mutiara
engkau adalah pusaka moyang
gedung peradaban insan
terhimpun berzaman

Bersemadi di sini
aku ialah pelayar yang dahaga
di dada samudera tak berpantai

betapa pun kuteguk darinya
dahaga tak pernah langsa.

- 8 Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan frasa *gua pelita bersemadi*?
- A Perpustakaan merupakan tempat tinggalan para cendekiawan.
 - B Perpustakaan bolehlah dianggap seperti gua di mana di situlah para cendekiawan disemadikan.
 - C Perpustakaan merupakan tempat segala pemikiran dan idea para cendekiawan diabadikan.
 - D Perpustakaan ibarat gua yang perlu diterokai kerana khazanah ilmu yang terdapat di dalamnya.
- 9 Apakah yang cuba digambarkan oleh penyajak dalam rangkap pertama?
- A Orang ramai menundukkan kepala apabila berada di perpustakaan.
 - B Suasana yang berbeza di dalam dan di luar perpustakaan.
 - C Suasana susunan buku yang cukup teratur di perpustakaan.
 - D Orang ramai sentiasa berhati-hati apabila berada di perpustakaan.
- 10 Apakah perbezaan antara keadaan di dalam perpustakaan dengan di luar perpustakaan menurut penyajak?
- A Suhu di luar perpustakaan lebih nyaman daripada suhu di dalam perpustakaan yang lebih panas.
 - B Suasana di dalam perpustakaan lebih tenang berbanding dengan suasana di luar perpustakaan.
 - C Orang ramai suka berbual-bual di dalam perpustakaan berbanding dengan di luar perpustakaan.
 - D Orang ramai menggunakan masa yang terluang untuk membaca di dalam perpustakaan berbanding dengan jika berada di luar perpustakaan.
- 11 Mengapakah penyajak menyatakan bahawa ia berasa kerdil apabila berada di perpustakaan?
- A Ruang perpustakaan terlalu besar berbanding dengan dirinya.
 - B Penyajak masih berada di sekolah berbanding dengan pengunjung lain yang terdiri daripada orang-orang dewasa.
 - C Penyajak kurang berilmu pengetahuan berbanding dengan pengunjung-pengunjung yang lainnya.
 - D Terdapat banyak ilmu yang terhimpun di perpustakaan berbanding dengan ilmu yang ada pada penyajak.
- 12 Yang berikut ada kaitan dengan rangkap ketiga **kecuali**...
- A meskipun sedikit yang didapati, namun cukup bermakna.
 - B perpustakaan merupakan gedung ilmu sejak turun-temurun.
 - C di perpustakaan terdapat banyak ilmu sejak perkembangan tamadun manusia.
 - D di perpustakaan pasti terdapat buku-buku mengenai sejarah asal keturunan mereka.

- 13 Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan frasa *gedung peradaban insan*?
- A tempat di mana segala peradaban manusia bermula
 - B tempat manusia mempertingkatkan tamadun
 - C tempat ilmu berkaitan dengan peradaban manusia dapat diperoleh
 - D tempat manusia boleh berjual beli tamadun manusia
- 14 Apakah yang dilakukan oleh penyajak ketika berada di perpustakaan pada hari itu?
- A Penyajak hanya mampu memperhatikan keadaan sekeliling perpustakaan sahaja.
 - B Penyajak menjadi pencari ilmu yang tidak pernah pupus.
 - C Penyajak meminjam sebuah buku sahaja di perpustakaan.
 - D Penyajak hanya membaca sebuah buku yang berkaitan dengan adat resam masyarakat penyajak.

Soalan 15 hingga Soalan 20

Baca surat kiriman di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ahli Jawatankuasa Kerja Kampung,
Kampung Ujong Pasir,
75050 Melaka.

Yang Berhormat,
Encik Gan Boon Leong,
Wakil Rakyat Ujong Pasir,
Melaka.

12 JUN 2001.

Tuan,
Pencemaran Alam di Kampung Ujong Pasir

Dengan hormatnya saya bagi pihak penduduk Kampung Ujong Pasir, Melaka ingin mengemukakan beberapa masalah yang sedang kami hadapi sekarang. Pihak kami telah beberapa kali membuat aduan kepada pihak yang berkenaan tetapi duka citanya setakat ini tiada sebarang tindakan yang diambil. Dengan ini kami terpaksa membuat rayuan kepada pihak tuan agar tindakan segera dapat dilakukan untuk kebaikan bersama.

2. Masalah yang kami hadapi ialah berkaitan dengan kegiatan sebuah kilang kelapa sawit di kampung kami. Kilang ini telah didirikan berdekatan dengan sebatang sungai di hulu kampung kami. Daripada kajian yang telah pihak kami jalankan, didapati kilang tersebut mengalirkan bahan-bahan buangnya ke dalam sungai di kampung ini secara berleluasa.

3. Kini, sungai itu telah dipenuhi dengan sampah-sarap, bahan-bahan kimia, dan berbau busuk. Ikan-ikan di sungai tersebut banyak yang mati. Air sungai menjadi

amat kotor dan tidak boleh digunakan lagi. Airnya menyebabkan kanak-kanak serta orang dewasa dihindari sejenis penyakit yang amat berbahaya.

4. Semua penduduk kampung yang bergantung kepada sungai itu terpaksa pergi ke tempat yang jauh bagi mendapatkan bekalan air bersih untuk kegunaan seharian. Kawasan kami tidak mempunyai kemudahan bekalan air paip. Keadaan ini semakin rumit apabila tiba musim kemarau.

5. Mata pencarian para nelayan di kampung kami juga terjejas. Ada di antara mereka terpaksa pergi ke bandar untuk mencari pekerjaan baru sebagai buruh binaan bagi menampung kehidupan.

6. Oleh itu, kami merayu agar tuan dapat menyiasat dan mengambil tindakan segera berhubung dengan masalah ini. Kami berharap agar kejadian ini tidak berulang pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK MASYARAKAT”

Yang benar,

Azizah

.....
AZIZAH AMAN

15 Jenis surat di atas adalah berkaitan dengan...

- A** surat permohonan.
- B** surat aduan.
- C** surat ucapan.
- D** surat jemputan.

16 Mengapakah surat ini dihantar kepada Wakil Rakyat Sungai Ujong Pasir?

- A** kerana berlakunya pencemaran sungai di kampung itu
- B** kerana wakil rakyat kawasan tersebut tidak mengambil sebarang tindakan
- C** kerana tiada tindakan diambil walaupun aduan telah dibuat sebelumnya
- D** kerana kehidupan penduduk kampung semakin susah

17 Masalah utama yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk Kampung Ujong Pasir ialah...

- A** pencemaran alam.
- B** pencemaran air.
- C** ketiadaan kemudahan air paip.
- D** aduan sebelumnya tidak dilayan.

- 18** Yang berikut ialah masalah-masalah yang terjadi sebagai akibat pencemaran air sungai **kecuali...**
- A** semua penduduk hilang mata pencarian.
 - B** ikan-ikan banyak yang mati.
 - C** penduduk dihindangi penyakit.
 - D** sukar mendapat bekalan air bersih.
- 19** Apakah harapan penduduk Kampung Ujong Pasir kepada wakil rakyat mereka?
- A** menyediakan kemudahan air paip
 - B** menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk kampung
 - C** kilang getah ditutup
 - D** mengambil langkah tegas untuk mengelakkan pencemaran air dan memastikan bahawa kejadian seumpama itu tidak berlaku lagi
- 20** Perkataan *terjejas* sesuai diganti dengan perkataan...
- A** terhindar.
 - B** terganggu.
 - C** berkurang.
 - D** terancam.

Soalan 21 hingga Soalan 32

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** perkataan yang **paling sesuai**.

- 21** Kita tidak akan menghadapi masalah untuk mencari buku di perpustakaan kerana _____ buku-buku di situ sangat teratur.
A susunan
B tersusun
C disusun
D menyusun
- 22** Sudah _____ saya menunggu kamu di sini.
A dua jam suku
B dua suku jam
C jam dua suku
D suku lagi dua jam
- 23** Perlawanan bola sepak Piala Malaysia malam tadi terpaksa ditangguhkan oleh hujan lebat.
A itu
B kerana
C sebab
D hanya
- 24** Telok Anson yang nama barunya, iaitu Teluk Intan oleh Kerajaan Negeri Perak merupakan bandar yang ketiga besarnya di negeri Perak Darul Ridzuan.
A beri
B diberikan
C berikan
D diberi
- 25** Anggota-anggota tentera Bangsa-Bangsa Bersatu sedang _____ latihan menembak di lapang sasaran tersebut.
A menjalani
B mengikut
C menghadapi
D membiasakan
- 26** Penduduk kampung itu berjaya _____ pisau dari tangan orang gila yang sedang mengamuk itu.
A menyambar
B merampas
C mengambil
D merengut

- 27 Pakaian seniwati itu terlalu jarang dan singkat sehingga _____ mata para hadirin di dewan itu.
A mencolok
B merodok
C menjolok
D mencucuk
- 28 Kerja yang perlu kamu lakukan setiap hari ialah _____ sabut untuk membuat tali.
A menyulam
B memilin
C menganyam
D mengait
- 29 Seri Paduka Baginda _____ pingat kebesaran negeri kepada tokoh sasterawan itu.
A memberi
B memberikan
C menganugerahkan
D menganugerahi
- 30 Saya menghadapi masalah untuk membetulkan salah satu batang kisi-kisi tingkap di rumah itu kerana kisi-kisi itu sudah terlalu _____.
A bengkok
B serong
C condong
D bongkok
- 31 Banyak teguran membina yang telah saya berikan kepadanya _____ sikapnya masih tidak berubah.
A namun
B justeru
C dan
D walaupun
- 32 “Janganlah kamu pulang dahulu kerana isteri saya sedang _____ air di dapur,” kata Murad kepada rakannya.
A menanak
B mengukus
C menjerang
D merebus

Soalan 33 hingga Soalan 39

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandai dengan A, B, atau C. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

- 33 (A) Surat khabar di Malaysia dicetak dalam (B) berbagai bahasa untuk memenuhi keperluan masyarakat yang (C) berbilang kaum. (D) Tiada kesalahan.
- 34 Kebanyakan (A) pekerja-pekerja syarikat itu mendapat gaji (B) berdasarkan jawatan yang (C) dipegang oleh mereka. (D) Tiada kesalahan
- 35 (A) Pelanggaran negara Bosnia oleh pihak Serbia telah (B) mendapat bantahan (C) di seluruh dunia. (D) Tiada kesalahan.
- 36 Sebagai (A) anggota tentera, Azhar (B) sudah biasa dengan (C) pahit-pahit kehidupan dalam hutan. (D) Tiada kesalahan.
- 37 (A) Peserta-peserta lumba basikal itu akan (B) lalu di jalan tanah merah (C) di dalam estet itu. (D) Tiada kesalahan
- 38 Kerajaan akan (A) mempastikan bahawa (B) projek-projek pembangunan (C) berjalan lancar di kawasan pekan itu. (D) Tiada kesalahan
- 39 (A) Pepohon-pepohon yang rendang di tepi jalan itu telah (B) ditebang oleh (C) pekerja-pekerja Majlis Bandaran. (D) Tiada Kesalahan.

Soalan 40 hingga Soalan 47

Sebahagian daripada ayat-ayat yang berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B, atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

- 40 Beg yang baru saya beli itu ada pada adik awak.
- A berada pada adik awak
 - B ada kepada adik awak
 - C berada dengan adik awak
 - D ada pada adik awak

- 41 Walaupun Azizah anak seorang yang berjawatan tinggi, namun dia tetap rendahkan diri.
A tetapi dia tetap rendahkan dirinya
B namun dia tetap merendahkan diri
C namun dia tetap merendah diri
D namun dia tetap rendahkan diri
- 42 Dalam permainan bola sepak, sesiapa yang tumbuk pengadil akan dibuang padang.
A siapa yang tumbuk pengadil
B sesiapa yang menumbuk pengadil
C sesiapa yang bertumbuk pengadil
D sesiapa yang tumbuk pengadil
- 43 Berpuluh orang penduduk Kampung Paya Mas kehilangan rumah mereka dalam kebakaran itu.
A Berpuluh orang penduduk-penduduk Kampung Paya Mas
B Berpuluh-puluh orang penduduk Kampung Paya Mas
C Berpuluh orang-orang penduduk Kampung Paya Mas
D Berpuluh orang penduduk Kampung Paya Mas
- 44 Kedua belah pihak itu bersetuju untuk menandatangani perjanjian itu semata-mata untuk kemajuan bersama.
A Dua belah pihak
B Pihak dua belah
C Kedua-dua belah pihak
D Kedua belah pihak
- 45 Para pelajar Sekolah Menengah Sains Machang telah adakan satu majlis makan malam kebudayaan bertujuan untuk mengutip derma tabung kebajikan pelajar sekolah itu.
A telah diadakan satu majlis makan malam kebudayaan
B telah mengadakan suatu Majlis Makan Malam Kebudayaan
C telah mengadakan satu majlis makan malam kebudayaan
D telah adakan satu majlis makan malam kebudayaan
- 46 Syahira menjadi kelam-kabut apabila diberitahu bahawa ayahnya kemalangan.
A diberitahu ayahnya dalam kemalangan
B diberitahu ayahnya melibatkan diri dalam kemalangan
C diberitahu ayahnya terlibat kemalangan
D diberitahu bahawa ayahnya kemalangan

- 47 Kemudahan asas di Kampung Ulu Ladang, Gemas akan ditambah daripada setahun ke tahun.
- A dari setahun ke setahun
 - B daripada setahun ke setahun
 - C dari tahun ke setahun
 - D daripada setahun ke tahun

Soalan 48 hingga Soalan 54

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 48 **Kepemimpinan dinamik Pengetua sekolah itu menyebabkan keputusan peperiksaan sekolah itu semakin meningkat.**
- A Kepemimpinan Pengetua sekolah itu dinamik dan mendatangkan keuntungan besar kepadanya.
 - B Pengetua sekolah itu memimpin dengan dinamik dan berjaya mendapat banyak keuntungan yang besar.
 - C Pencapaian akademik sekolah itu semakin meningkat kerana kepemimpinan pengetuanya yang dinamik.
 - D Pengetua yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi akan menghasilkan kepemimpinan yang dinamik.
- 49 **Penguatkuasaan undang-undang belum tentu dapat menjamin kegiatan salah laku remaja pada masa kini dapat dihapuskan.**
- A Penghapusan kegiatan salah laku remaja masa kini bukan bergantung semata-mata kepada pelaksanaan undang-undang.
 - B Para remaja akan selamat sekiranya mengikut segala undang-undang yang telah dikuatkuasakan.
 - C Penguatkuasaan undang-undang dapat mengawal disiplin muda-mudi.
 - D Remaja hanya akan berdisiplin sekiranya terdapat penguatkuasaan undang-undang ke atas mereka.
- 50 **Amri mengingatkan Hasbullah bahawa pada hari esoknya mereka akan menduduki ujian di sekolah.**
- A Amri berkata kepada Hasbullah, "Esok kita menempuh ujian sekolah."
 - B "Esok kami akan menempuhi ujian di sekolah," kata Amri kepada Hasbullah.
 - C Amri berkata kepada Hasbullah, "Jangan lupa esok kita akan ada ujian di sekolah."
 - D "Esok kita menempuhi ujian di sekolah," pesan Amri kepada Hasbullah.

51 Kata Aini, "Saya berharap agar saya berjaya dalam Peperiksaan PMR."

- A** Aini berharap agar dia berjaya dalam peperiksaan PMR. Aini menerangkan.
- B** Aini mengatakan bahawa dia berharap dia akan berjaya dalam peperiksaan PMR.
- C** Aini berharap dalam peperiksaan PMR, dia berkata.
- D** Aini memberitahu dia berharap dia boleh berjaya dalam peperiksaan PMR.

52 Matlamat Kempen Melalui Teladan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri itu bertujuan untuk menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan di kalangan kakitangan kerajaan.

- A** Perdana Menteri melancarkan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan untuk kepentingan kakitangan kerajaan
- B** Pemupukan nilai-nilai kepimpinan yang berkesan di kalangan kakitangan kerajaan merupakan fokus utama Kempen Kepimpinan Melalui Teladan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri
- C** Kempen Kepimpinan Melalui Teladan perlu dilancarkan oleh Perdana Menteri
- D** Perdana Menteri terpaksa melancarkan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan kerana desakan daripada kakitangan kerajaan

53 Ahli-ahli rombongan yang melawat ke ladang teh itu telah bangun terang-terang tanah lagi untuk melihat kaedah memetik daun teh.

- A** Memandangkan daun teh hanya dipetik pada awal pagi, maka ahli-ahli rombongan itu terpaksa juga bangun awal.
- B** Ahli-ahli rombongan dikehendaki bangun awal untuk melihat suasana pagi di kebun teh itu.
- C** Oleh sebab ingin melihat cara memetik daun teh, peserta rombongan yang melawat ke ladang teh itu telah bangun awal pagi.
- D** Waktu terang-terang tanah diperlukan untuk memetik daun teh di ladang itu.

54 Golongan belia yang menyertai Program Rakan Muda disarankan agar melengkapkan diri dengan ilmu bagi menghadapi cabaran zaman moden ini.

- A** Ilmu pengetahuan amat penting bagi muda-mudi yang menyertai Program Rakan Muda.
- B** Bagi menghadapi cabaran zaman moden, muda-mudi yang menyertai Program Rakan Muda disyorkan supaya menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan.
- C** Program Rakan Muda akan dapat melahirkan generasi muda yang sanggup menghadapi cabaran masa depan.
- D** Pada zaman yang penuh mencabar ini, muda-mudi perlu menyemai Program Rakan Muda.

Soalan 55 hingga Soalan 60

Pilih ayat atau ayat-ayat yang **betul** dan tentukan bahawa anda **telah memilih pilihan jawapan yang paling sesuai**.

- 55** I Penghulu itu memimpin anak buahnya berjaga malam mengawal kampung.
II Guru-guru biasanya memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar-pelajar yang lambat.
III Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tun Mamat telah anjurkan majlis makan malam sempena meraikan pasukan bola tampar sekolah yang menjuarai kejohanan kali ini.
IV Para penonton tolak-tolak untuk merebut tempat duduk yang selesa di dalam panggung itu.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV
- 56** I Salah satu tatacara yang menarik perhatian orang ramai pada malam itu ialah pertunjukan kereta berhias.
II Pesakit itu terpaksa menjalankan pembedahan setelah didapati penyakitnya bertambah teruk.
III Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong berkenan menyampai warkah pelantikan kepada Duta Besar Malaysia ke India.
IV Setengah orang tidak menggemari sikapnya itu.
- A** I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 57** I Tokoh kanak-kanak peringkat kebangsaan itu telah dikurniakan sebuah replika dan sijil penghargaan.
II Kita digalakkan agar mengamalkan sikap suka membaca kerana menerusi pembacaan kita dapat menambah ilmu pengetahuan.
III Yanti menerima sejambak bunga dan sehelai selendang untuk hari jadinya.
IV Rakyat asing yang masuk ke negara ini tanpa kebenaran sah daripada pihak berkuasa kehendaki mendaftar diri di pejabat imigresen yang berhampiran.
- A** II dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II, III, dan IV

- 58** I Nurul Huda memperolehi keputusan peperiksaan yang amat cemerlang sekali berkat usahanya yang tidak kenal jemu.
II Walaupun kerajaan telah memansuhkan cukai import ke atas lebih 2000 barang justeru para peniaga masih belum menurunkan harga barang berkenaan.
III Jangan membuat keputusan secara terburu-buru sebelum mengetahui keadaan yang sebenarnya.
IV Barang yang dijual di kedai itu sungguh cantik tetapi harganya mahal-mahal belaka.

- A** I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

- 59** I Bagi menghadapi cabaran zaman moden, muda-mudi disyorkan supaya menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran yang terkini.
II Adalah diharapkan agar penemuan dengan Pegawai Daerah pada petang ini dapat menyelesaikan masalah kami dengan pemaju perumahan itu.
III Saya telah mengingatkan pelajar itu beberapa kali tentang kecuaianya tetapi peringatan saya itu tidak diendahkan.
IV Kesemua pelajar-pelajar di dalam kelas itu membaca buku pada masa lapang.

- A** I dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV

- 60** I Saya akan ke rumah Amri bila mempunyai masa lapang.
II Pada akhir ceramah, pembentang kertas kerja telah memohon maaf atas keterlanjuran kata yang mungkin telah menyinggung perasaan hadirin.
III Untuk mengatasi masalah hakisan pantai yang semakin meruncing, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjalankan projek menampak kawasan tersebut.
IV. Lagu dan puisi mempunyai kesan positif dalam usaha membantu kanak-kanak menguasai kemahiran berbahasa melalui kaedah yang sesuai dengan perkembangan mereka.

- A** I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT